

TERMA & SYARAT UNTUK KEMPEN BONUS BOOSTER KFH ICM

Kempen Bonus Booster KFH ICM (“Kempen”) adalah anjuran oleh Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 200401033666) (“KFH Malaysia”) dan tertakluk kepada Syarat-syarat dan Terma yang disediakan. KFH Malaysia mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu, tanpa memberikan apa pun alasannya.

1. TEMPOH KEMPEN

- 1.1. Kempen ini bermula dari jam 00:00 (GMT+8) pada 23 Disember 2022 sehingga jam 23:59 (GMT+8) pada 31 Mac 2023, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila dana Kempen mencapai RM30 juta, yang mana lebih awal atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh KFH Malaysia dengan pemberitahuan notis awal.
- 1.2. Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang telah ditetapkan dibawah.

2. KRITERIA KELAYAKAN

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada pemegang akaun individu baru dan sedia ada yang mencapai umur 18 tahun keatas termasuk akaun bersama (Warganegara Malaysia, Permastautin dan Bukan Permastautin).
- 2.2. Pelanggan baru dan sedia ada yang ingin mengambil bahagian dalam Kempen ini perlu membuka dan mengekalkan akaun berikut di cawangan yang berdekatan semasa waktu bekerja:
 - a. KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i (“ICM”); DAN
 - b. KFH Akaun Libshara-i.
- 2.3. Pemegang akaun yang disebut di atas hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”.
- 2.4. Simpanan yang dilakukan dalam tempoh kempen ini tidak sah digunakan sebagai cagaran / sekuriti untuk sebarang kemudahan pembiayaan.
- 2.5. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan tindakan penipuan, salah laku atau menyalahi undang-undang berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh KFH Malaysia atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak untuk menyertai Kempen.

3. MAKLUMAT PRODUK YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

3.1. KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i (ICM)

KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i adalah akaun deposit bertempoh kadar tetap yang berdasarkan konsep Syariah Murabahah (harga kos ditambah dengan keuntungan jualan) dan Tawarruq di mana kadar keuntungan dan jumlah keuntungan diisytiharkan terlebih dahulu kepada Pelanggan. Ia merupakan satu-satunya produk deposit bertempoh di mana kadar keuntungan diisytiharkan terlebih dahulu (bagi produk Islam yang lain, pelanggan hanya akan dapat mengetahui kadar keuntungan sebenar apabila tempoh matang).

3.2. KFH Akaun Libshara-i

KFH Akaun Libshara-i adalah akaun simpanan, berlandaskan konsep Syariah Murabahah (harga kos ditambah dengan keuntungan jualan) dan Tawarruq di mana kadar keuntungan dan jumlah keuntungan diisytiharkan terlebih dahulu kepada Pelanggan. Oleh itu, amaun prinsipal dan keuntungan yang dideposit adalah dijamin. Pelanggan juga mempunyai peluang untuk menyertai cabutan Libshara yang diadakan secara bulanan, suku tahunan dan cabutan tahunan untuk berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik.

3.3. Konsep Syariah

Konsep-konsep Syariah yang digunakan adalah Murabahah (harga kos ditambah dengan keuntungan jualan) dan Tawarruq di mana aset tertentu akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset sandaran bagi transaksi-transaksi penjualan dan pembelian antara Bank dan Pelanggan. Di bawah kontrak ini, Pelanggan memberikuasa Bank untuk memasuki urusan niaga bagi pihak Pelanggan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. Bank sebagai agen akan membeli komoditi tersebut daripada broker pada harga kos bagi nilai spot (Harga Belian). Bank kemudiannya akan menawarkan kepada Pelanggan untuk membeli komoditi pada Harga Belian ditambah dengan keuntungan dan akan dibayar pada tarikh pembayaran tertanggung. Bank kemudiannya akan menjual komoditi itu kepada broker lain pada harga kos penyelesaian. Pada tarikh pembayaran tertanggung, Bank akan membayar Pelanggan harga jualan yang terdiri daripada harga kos (prinsipal) ditambah dengan keuntungan.

4. KONSEP KEMPEN

4.1. Semua deposit untuk tujuan Kempen ini mestilah terdiri daripada sumber berikut:

- Wang atau dana yang dipindahkan daripada akaun bank lain dan dikreditkan ke akaun deposit dengan KFH Malaysia dan tidak melebihi (7) hari kalendar sebelum peletakan di dalam akaun deposit ICM (“Dana Baru”); DAN
- Wang atau dana yang berasal dari sebarang akaun deposit / pelaburan yang diselenggara oleh KFH Malaysia.

4.2. Kempen ini hanya boleh dilakukan melalui kaunter, di mana-mana cawangan KFH Malaysia. Huraian lanjut seperti berikut:

- Pelanggan yang Layak akan menerima pembayaran bonus 2.00% setahun (“setahun”) dalam bentuk hadiah atau hibah yang diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Kadar Keuntungan Kempen apabila ICM matang. Kadar kempen seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1 dibawah;

Jadual 1					
Tempoh (“Tempoh”)	Amaun Peletakan Gabungan (“Amaun Gabungan”)	ICM : Nisbah Peletakan Libshara (“Nisbah Peletakan”)	Kadar Keuntungan Kempen (“Kadar Keuntungan Kempen ”)	Pembayaran Bonus (“Bayaran Bonus”)	Kadar Berkesan Kempen (“Kadar Berkesan”)
Enam (6) bulan	Minimum: RM10,000	70% : 30%	ICM: 3.26% setahun	ICM: 2.00% setahun	3.74% setahun

	Maksimum: RM2 juta				
--	-----------------------	--	--	--	--

- b. Pelanggan yang Layak dikehendaki menandatangani dan meletakkan dana ke dalam ICM dan Akaun KFH Libshara mengikut Jadual 1 di atas. Amaun di dalam akaun Libshara akan diperuntukan (earmarked) selama enam (6) bulan bagi Pelanggan yang Layak.
- c. Perletakan dan deposit ke dalam ICM dan Libshara hendaklah dibuat secara serentak semasa Tempoh Kempen.
- d. Pembayaran Keuntungan Kempen ICM akan dikreditkan ke dalam akaun Libshara Pelanggan yang Layak pada tempoh matang ICM.
- e. Pembayaran Bonus ICM pula akan dikreditkan ke dalam akaun Libshara Pelanggan yang Layak dalam masa 2 minggu selepas tempoh matang ICM.
- f. Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin mengeluarkan mana-mana bahagian daripada jumlah Gabungan ICM atau Libshara sebelum Tempoh matang, pengeluaran amauni di dalam ICM atau Libshara mesti dilakukan sepenuhnya. Pengeluaran sebahagian ICM atau Libshara sebelum Tempoh matang adalah tidak dibenarkan. Tiada keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan yang Layak bagi sebarang pengeluaran ICM pramatang dan peruntukan (earmarked) di dalam Libshara juga akan dikeluarkan/ dilepaskan.
- g. Kadar Keuntungan Kempen dan Pembayaran Bonus boleh disemak semula dengan sewajarnya selaras dengan perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, sekiranya ada, semasa Tempoh Kempen.
- h. Kadar Keuntungan Kempen boleh digunakan untuk satu (1) kitaran sahaja. Apabila tempoh matang, jumlah prinsipal akan dikreditkan ke dalam Akaun Libshara Peserta yang Layak.

4.3. Ilustrasi*

Jumlah Amaun Gabungan	RM100,000
Peletakan di dalam ICM	RM70,000
Amaun Peruntukan (earmarked)	RM30,000 di dalam akaun Libshara untuk 6 bulan (kadar keuntungan untuk Libshara 0.20% p.a. = RM30)
Bayaran Keuntungan Kempen	RM1,138 akan dibayar pada akhir tempoh matang ICM
Bayaran Keuntungan Bonus	RM699 Akan di bayar dalam masa 2 minggu selepas tempoh matang ICM
Jumlah Bayaran Keuntungan	RM1,867
Kadar Keuntungan Berkesan	3.74% p.a.

*Semua maklumat yang terkandung di dalam jadual di atas adalah untuk tujuan anggaran dan ilustrasi sahaja.

5. AM

- 5.1. Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dan mungkin menamatkan atau menambah tempoh kempen dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari kalendar. Pihak Bank boleh memberi notis atau komunikasi tersebut kepada Peserta melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai termasuklah melalui pos, pemberitahuan dalam media massa, dengan menyiarkan notis itu di cawangan-cawangan Bank, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala, melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimili, emel, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank. Terma dan syarat ini boleh didapati di www.kfh.com.my.
- 5.2. Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan atau menangguhkan Kempen untuk apa jua sebab dengan memberi notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank, Peserta tidak berhak untuk menuntut atau mendapatkan pampasan daripada pihak Bank atau mana-mana sekutunya bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung dan tidak langsung atas sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan.
- 5.3. Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk tanpa had, risalah atau gegantung dicetak) atau mana-mana iklan untuk produk ini.
- 5.4. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dan mana-mana keputusan pihak Bank.
- 5.5. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan dengan ini, Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia bagi semua pertikaian yang timbul dari atau berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.6. Selain dari terma dan syarat yang dinyatakan di sini bagi tujuan Kempen di atas, semua terma dan syarat yang mengawal produk-produk Bank yang lain hendaklah terus terpakai.
- 5.7. ICM dan Libshara adalah layak dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.